

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 27.11.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 8**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian berjaya menurunkan kadar inflasi dan kenaikan harga barangan terutamanya setelah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikuatkuasakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Inflasi keseluruhan (*headline CPI*) mengukur peratus perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) yang menunjukkan perubahan harga bagi barangan atau perkhidmatan bagi 12 kumpulan utama berbanding tahun sebelumnya.

2. Daripada 12 kumpulan utama ini, perubahan harga bagi kumpulan dengan wajaran tertinggi ialah Makanan & Minuman Bukan Alkohol (29.5%) yang amat mempengaruhi kadar inflasi secara keseluruhan.

3. Perubahan harga barangan pula bukan semata-mata kerana faktor cukai seperti pengenalan SST atau GST. Sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka, kuasa pasaran (*market forces*) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barangan di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran seperti berikut:

- a. faktor permintaan dan penawaran;
- b. kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah;
- c. peningkatan kos pengeluaran dan kos logistik dan pengangkutan;
- d. perubahan cuaca dan bencana alam;
- e. kos pengimportan yang tinggi terutamanya bagi bahan makanan;
- f. kegiatan kartel dan monopoli; dan lain-lain faktor

4. Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah mula dilaksanakan pada 1 April 2015 sehingga 31 Mei 2018. Mulai 1 Jun 2018 sehingga 31 Ogos 2018, Kerajaan telah menetapkan GST pada kadar sifar (*tax holiday*) sehingga pelaksanaan sistem pencukaaian yang baru iaitu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018.

5. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kadar inflasi untuk 6 bulan selepas pelaksanaan SST adalah seperti berikut:

a. September 2018	-	0.3%
b. October 2018	-	0.6%
c. November 2018	-	0.2%
d. Disember 2018	-	0.2%
e. Januari 2019	-	- 0.7%
f. Februari 2019	-	- 0.4%

Untuk kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, kadar inflasi adalah berikut

a. September 2018	-	0.5%
b. October 2018	-	1.2%
c. November 2018	-	1.1%
d. Disember 2018	-	0.7%
e. Januari 2019	-	1.0%
f. Februari 2019	-	1.0%

6. Jika kita buat bandingan angka-angka tersebut dengan kadar inflasi 6 bulan sebelum pemansuhan GST, ianya daripada Disember 2017 hingga Mei 2018, purata kadar inflasi bulanan adalah 2%. Bagi kadar inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, kadar inflasi masa itu adalah dalam lingkungan 2 – 3%.

7. Oleh itu, secara kesimpulan, kadar inflasi selepas pelaksanaan SST adalah terkawal dan lebih rendah jika berbanding dengan tempoh pentadbiran sebelum ini yang melaksanakan sistem percukaian GST.

Sekian, terima kasih.